



Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar  
*Ministry of Tourism, Culture and Environment Sabah*



# Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah

*Sabah Environmental Education Policy*

Cetakan pertama/**First printing, 2009**  
Hakcipta/**Copyright**  
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah  
**Ministry of Tourism, Culture and Environment Sabah**

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

**All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, without the permission in writing from the publisher.**

Diterbitkan di Malaysia oleh/**Published in Malaysia by**  
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah  
**Ministry of Tourism, Culture and Environment Sabah**

Cetakan adalah ditaja oleh/**Printing is sponsored by**  
Japan International Cooperation Agency (JICA) di bawah Program Pemuliharaan  
Biodiversiti dan Ekosistem Borneo Fasa II  
**Japan International Cooperation Agency (JICA) under the Bornean Biodiversity and Ecosystems Conservation Programme Phase II**



ISBN : 978-983-40149-19



Dicetak dengan kertas 100% kitar semula/**Printed on 100% recycled paper**



# Isi Kandungan / Table of contents

	<b>Page</b>
Kata Pengantar/ <b>Preface</b>	1,2
Prakata/ <b>Foreword</b>	3,4
Pengenalan/ <b>Introduction</b>	5,6
Definisi/ <b>Definition</b>	5,6
Kenyataan Dasar/ <b>Policy Statement</b>	7,8
Objektif/ <b>Objective</b>	9,10
Strategi Dasar/ <b>Policy Strategies</b>	11,12
Strategi Dasar dan Intervensi/ <b>Policy Strategies and Interventions</b>	13,14
Penutup/ <b>Conclusion</b>	15
Penghargaan/ <b>Acknowledgement</b>	





# Kata Pengantar Menteri Pelancongan, Kebudayaan, dan Alam Sekitar Negeri Sabah



Pengurusan alam sekitar di Sabah melibatkan pelbagai dimensi dan memerlukan pelbagai alat untuk menangani cabaran-cabaran alam sekitar yang semakin meningkat. Cabaran masa kini adalah berkaitan dengan hakisan tanah, penurunan kualiti air dan udara, degradasi habitat dan ancaman terhadap biodiversiti, tekanan terhadap sumber laut dan pesisir pantai, pelupusan sampah-sarap, banjir, kebakaran hutan, pencemaran bunyi dan pemanasan sejagat. Salah satu alat yang berkesan untuk menangani isu-isu ini adalah melalui pendidikan alam sekitar.

Kepentingan pendidikan alam sekitar telah ditekankan dengan jelas dalam Agenda 21 dan juga dalam Dasar Alam Sekitar Kebangsaan yang telah diterbitkan pada tahun 2002. Sebagai satu alat yang semakin penting dalam penilaian, penguatkuasaan, maklumat dan pemuliharaan, pendidikan alam sekitar perlu dipertingkatkan lagi dan dilaksanakan secara berkesan di setiap peringkat masyarakat. Pelaksanaannya perlu dibuat secara khusus kepada kumpulan sasaran yang tertentu untuk memastikan mesej yang tepat sampai kepada kumpulan berkenaan supaya perubahan yang positif berlaku dalam kehidupan masing-masing dan seterusnya terhadap alam sekitar.

Besarliah harapan saya agar Dasar Pendidikan Alam Sekitar ini akan dapat membimbing semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar di Sabah secara lebih tertumpu dan optimum.

(Yang Berhormat Datuk Masidi Manjun)

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah



Preface  
Ministry for Tourism,  
Culture and Environment Sabah



Environmental management in Sabah is multi-dimensional and requires various tools in order to address escalating environmental challenges. The present challenges are related to soil erosion, declining in water and air quality, habitat degradation and threats to biodiversity, pressure on coastal and marine resources, solid waste disposal, flooding, forest fires, noise pollution and global warming. One of the effective tools to address these issues is through environmental education.

The importance of environmental education is clearly highlighted in Agenda 21 as well as in the National Policy on the Environment which was published in 2002. As an increasingly important tool in environmental management alongside environmental assessment, enforcement, information and conservation, environmental education should be enhanced further and effectively implemented at all levels of society. Its implementation should be tailor-made to specific target groups to ensure the right message reaches the particular group in order to create a positive change in their lives and subsequently to the environment.

It is my greatest hope that this Sabah Environmental Education Policy will guide all stakeholders in implementing environmental education in Sabah in a more focused and optimal manner.



(Yang Berhormat Datuk Masidi Manjun)

Minister for Tourism, Culture and Environment Sabah

Prakata

# Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah



Penyediaan draf Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah telah dimulakan di bawah Program Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekosistem Borneo Fasa I (BBEC I) pada tahun 2006. Unit Sains dan Teknologi, selaku peneraju Komponen Kesedaran Awam BBEC I, telah bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam pendidikan alam sekitar di Sabah untuk menyediakan draf dasar ini berdasarkan pengalaman masing-masing dalam pendidikan alam sekitar kepada kumpulan sasaran seperti guru, wartawan, badan bukan kerajaan dan pihak pemaju. Pada penghujung BBEC I dalam Januari 2007, Setiausaha Kerajaan Negeri pada masa itu telah memperakukan draf dasar tersebut untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan rasmi.

Disebabkan perkembangan terkini dalam pendidikan alam sekitar di Sabah termasuk penubuhan 'Sabah Environmental Education Network (SEEN)', draf dasar berkenaan telah diperhalusi lagi di bawah BBEC Fasa II pada tahun 2008. Dasar tersebut telah diluluskan sebagai dasar rasmi negeri oleh Kabinet Negeri pada 8 April 2009.

Saya ingin merakam ucapan penghargaan kepada semua pelaksana atas usaha memulakan penyediaan draf dasar ini sejak tahun 2006. Saya amatlah bersyukur kerana dasar ini telah dimuktamadkan dan diterbitkan dengan jayanya oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar dengan bantuan semua ahli-ahli SEEN serta bantuan teknikal dan kewangan oleh Japan International Cooperation Agency (JICA).

Dasar ini akan memberikan panduan kepada semua sektor seperti kerajaan, badan bukan kerajaan, swasta, institusi pengajian, media dan masyarakat awam dalam menyertai dan melaksanakan program pendidikan alam sekitar di Sabah.

Strategi dan intervensi telah digariskan dalam Dasar ini bagi memastikan program pendidikan alam sekitar dilaksanakan secara berkesan untuk mencapai sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta gaya hidup lestari di kalangan masyarakat di Sabah.

Terima Kasih.

(Datuk Sukarti Wakiman)  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah



# Foreword

## State Secretary of Sabah



Drafting of the Sabah Environmental Education Policy was initiated under the Bornean Biodiversity and Ecosystems Conservation Programme Phase I (BBEC I) in 2006. The Science and Technology Unit, as head of the Public Awareness Component of BBEC I, worked together with various stakeholders in environmental education in Sabah to draft this Policy based on their experiences of environmental education and awareness to various target groups such as teachers, journalists, NGOs and developers. At the end of BBEC I in January 2007, the then State Secretary (Datuk K.Y. Mustafa) endorsed the draft Policy for an official approval by the State Government.


In view of the latest development in environmental education in Sabah, including the establishment of the Sabah Environmental Education Network (SEEN), the draft Policy was further enhanced by the stakeholders under BBEC Phase II in 2008. The Policy was recently approved as an official state policy by the State Cabinet on 8 April 2009.

I would like to extend my sincere gratitude to all implementers for initiating the drafting of the Policy since 2006. I am glad that the Policy has been finalised and successfully published by the Ministry of Tourism, Culture and Environment Sabah with the assistance of SEEN members and the technical and financial supports of Japan International Cooperation Agency (JICA).

This Policy will provide guidance to all sectors, namely government, non-governmental organisations, private, educational institutions, the media and the public in general in participating and implementing environmental education programmes in Sabah.

Strategies and interventions have been formulated in this Policy to ensure environmental education programmes are implemented effectively to ultimately achieve environmental stewardship and sustainable lifestyle among the people in Sabah.

Thank you.



(Datuk Sukarti Wakiman)  
State Secretary of Sabah



# Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah

## 1. Pengenalan

- 1.1 Di Sabah, pelbagai jenis aktiviti pendidikan alam sekitar dilaksanakan oleh agensi-agensi dan organisasi-organisasi yang berkaitan. Aktiviti-aktiviti berkenaan termasuklah komunikasi alam sekitar, kesedaran awam dan latihan seperti ceramah, pameran, program temuramah dan kuiz di radio, pertandingan, gotong-royong, membuat kompos, menanam pokok dan kitar semula. Kesemua aktiviti ini merangsang penggubalan rangka kerja yang lebih koheren, terancang dan tersusun yang mana telah mendorong kepada penubuhan satu rangkaian kerjasama di antara jabatan-jabatan kerajaan serta organisasi bukan kerajaan yang dikenali sebagai 'Sabah Environmental Education Network' (SEEN). SEEN telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk memperkukuhkan keupayaan pihak-pihak berkepentingan berkaitan melalui usahasama untuk mempromosikan pendidikan alam sekitar di Sabah.
- 1.2 Disebabkan magnitud dan cabaran-cabaran dalam pengurusan alam sekitar semakin rumit, usaha sedia ada dalam pendidikan alam sekitar perlu dipertingkatkan dan diperluaskan lagi melalui penggubalan satu Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah. Penggubalan Dasar ini juga adalah selaras serta mendokong Dasar Alam Sekitar Kebangsaan 2002, yang mana menekankan aspek Pendidikan dan Kesedaran sebagai salah satu Strategi Hijaunya.

## 2. Definisi

- 2.1 Pendidikan alam sekitar adalah merupakan satu proses pembelajaran di mana individu dan kumpulan tertentu memperoleh kesedaran, pengetahuan dan kemahiran mengenai alam sekitar secara menyeluruh, seterusnya menjana perubahan sikap dan kelakuan ke arah pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan alam sekitar secara lestari.
- 2.2 Pendidikan alam sekitar merentasi semua bidang, dan mempunyai hubungkait secara langsung dengan semua sektor, peringkat, pendekatan dan metodologi pendidikan formal dan tidak formal. Dalam proses pelaksanaan pendidikan alam sekitar, ia melibatkan pelbagai kumpulan masyarakat termasuklah kerajaan, perniagaan dan industri, akademik, organisasi bukan kerajaan, masyarakat serta unit-unit keluarga.



# Education Policy

## 1. Introduction

1.1 In Sabah, there are many types of environmental education activities carried out by various organisations and agencies. These activities include but are not limited to environmental communication, public awareness and training activities such as talks, exhibitions, radio shows, competitions, cleaning-up, composting, tree planting and recycling. All these activities have stirred for a more coherent, structured and formalised framework which propelled for the formation of a network of environmental organisations called Sabah Environmental Education Network (SEEN). SEEN was established in 2005 to strengthen the capacity of relevant stakeholders, through collaboration to promote environmental education in Sabah.

1.2 In view of the magnitude and complexity of challenges in environmental management, the current efforts in environmental education need to be elevated and amplified through a formalised State Environmental Education Policy. This is in line with the National Policy on the Environment (2002) which highlights Education and Awareness as one of its Green Strategies.

## 2. Definition

2.1 Environmental education is a learning process in which individuals and groups acquire awareness, knowledge and skills about the total environment, resulting in attitudinal and behavioural changes, thus, contributing towards environmental conservation and sustainable environmental management.

2.2 Environmental education transcends all the disciplines and is linked to all sectors, levels, approaches and methodologies in education both formally and informally. In the process of implementing environmental education, it involves broad sectors of society that includes the government, business and industry, academia, non-governmental organisations, the community and family units.



# Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah

### 3. Kenyataan Dasar

Alam sekitar yang lebih baik menerusi pendidikan alam sekitar yang berkesan.

### 4. Objektif

Untuk menyemaikan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta gaya hidup lestari di kalangan masyarakat di Sabah.

### 5. Strategi Dasar

Dasar ini menggariskan enam strategi utama untuk mencapai objektif di atas seperti berikut:-

- (i) Agensi kerajaan hendaklah secara aktif melaksanakan pendidikan alam sekitar;
- (ii) Organisasi bukan kerajaan, media, sektor swasta, badan profesional dan orang awam hendaklah secara aktif terlibat dalam pendidikan alam sekitar;
- (iii) Institusi-institusi pendidikan hendaklah secara aktif turut serta dan melaksanakan pendidikan alam sekitar;
- (iv) Kecekapan dan keberkesanan program dan aktiviti pendidikan alam sekitar hendaklah sentiasa dipertingkatkan;
- (v) Mengukuhkan fungsi dan peranan 'Sabah Environmental Education Network' (SEEN) dan rangkaian-rangkaian lain yang berkaitan; dan
- (vi) Mengukuhkan keupayaan dan kemampuan kakitangan pendidikan alam sekitar.

### **3. Policy Statement**

**Better environment through effective environmental education.**

### **4. Objective**

**To instil environmental stewardship and sustainable lifestyle among the people in Sabah.**

### **5. Policy Strategies**

**The strategies to achieve the above objective are as follows:**

- (i) Government agencies should actively implement environmental education;**
- (ii) Non-Governmental Organisations (NGOs), the media, private sectors, professional bodies and the public should be actively involved in environmental education;**
- (iii) Educational institutions should actively participate in and implement environmental education;**
- (iv) Efficiency and effectiveness of environmental education programmes and activities should be enhanced;**
- (v) Strengthen the functions of Sabah Environmental Education Network (SEEN) and other similar networks; and**
- (vi) Strengthen the capacity and capability of environmental education personnel.**



# Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah

## 6. Strategi Dasar dan Intervensi

**Strategi No. 1:** Agensi kerajaan hendaklah secara aktif melaksanakan pendidikan alam sekitar.

### **Intervensi:**

- (i) Menubuhkan seksyen atau jawatankuasa dalam agensi kerajaan untuk melaksanakan dan memantau pendidikan alam sekitar;
- (ii) Melaksanakan pendidikan alam sekitar secara dalaman di agensi kerajaan;
- (iii) Melaksanakan pendidikan alam sekitar kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan oleh agensi kerajaan berkaitan;
- (iv) Kerajaan untuk menyokong peranan pusat dan kemudahan pendidikan alam sekitar organisasi bukan kerajaan melalui peningkatan pemberian bantuan kewangan, promosi dan pengiktirafan;
- (v) Menerapkan isu-isu semasa dalam pelaksanaan latihan; dan
- (vi) Menyambut Minggu Alam Sekitar Malaysia atau 'Minggu Pendidikan Alam Sekitar' serentak dengan sambutan yang berkaitan dengan alam sekitar.

**Strategi No. 2:** Organisasi bukan kerajaan, media, sektor swasta, badan profesional dan orang awam hendaklah secara aktif terlibat dalam pendidikan alam sekitar.

### **Intervensi:**

- (i) Organisasi bukan kerajaan, media, sektor swasta, badan profesional dan seluruh masyarakat digalakkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan alam sekitar;
- (ii) Organisasi bukan kerajaan, media, sektor swasta dan badan profesional digalakkan untuk mewujudkan kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam organisasi masing-masing; dan
- (iii) Mempertingkatkan dan mengukuhkan kerjasama dalam pendidikan alam sekitar melalui rangkaian seperti Sabah Environmental Education Network (SEEN).



# Sabah Environmental Education Policy

## 6. Policy Strategies and Interventions

**Strategy No. 1:** Government agencies should actively implement environmental education.

### **Interventions:**

- (i) Establish a section or a committee within government agencies to implement and monitor environmental education;
- (ii) Conduct in-house environmental education within government agencies;
- (iii) Conduct environmental education to the identified target groups of the respective government agencies;
- (iv) Government to support the roles of NGOs' environmental education centres and facilities, by increasing financial allocations, promotion and recognition;
- (v) Incorporate "issue-based" approaches in trainings; and
- (vi) Commemorate Malaysian Environmental Week or an "EE Week" coinciding with any environmental-related celebrations.

**Strategy No. 2:** Non-Governmental Organisations (NGOs), the media, private sectors, professional bodies and the public should be actively involved in environmental education.

### **Interventions:**

- (i) NGOs, the media, private sector, professional bodies and the communities are encouraged to develop and implement environmental education activities;
- (ii) NGOs, the media, private sector and professional bodies are encouraged to create awareness of environmental responsibility within their respective organisations; and
- (iii) Enhance and strengthen environmental education collaboration through networking e.g. Sabah Environmental Education Network (SEEN).



# Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah

**Strategi No. 3:** Institusi-institusi pendidikan hendaklah secara aktif turut serta dan melaksanakan pendidikan alam sekitar.

**Intervensi:**

- i) Melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan alam sekitar untuk menanam sikap menghargai alam sekitar seperti pertandingan, perkhemahan dan lawatan;
- ii) Setiap pelajar mestilah menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti pendidikan alam sekitar setiap tahun;
- iii) Melaksanakan aktiviti pendidikan alam sekitar kepada semua warga institusi pendidikan seperti para pelajar, pendidik dan kakitangan tidak mengajar;
- iv) Menerapkan isu-isu semasa dalam pelaksanaan latihan; dan
- v) Menyambut Minggu Alam Sekitar Malaysia atau 'Minggu Pendidikan Alam Sekitar' serentak dengan sambutan yang berkaitan dengan alam sekitar.

**Strategi No. 4:** Kecekapan dan keberkesanan program dan aktiviti pendidikan alam sekitar hendaklah sentiasa dipertingkatkan.

**Intervensi:**

- i) Menggubal dan melaksanakan pelan tindakan pendidikan alam sekitar;
- ii) Memperuntukkan kemudahan dan dana yang mencukupi untuk pendidikan alam sekitar;
- iii) Mempertingkat dan memperbanyakkan bahan-bahan pendidikan alam sekitar termasuk bahan pembelajaran sendiri;
- iv) Mempertingkatkan perkongsian maklumat dan bahan-bahan pendidikan alam sekitar melalui pelbagai alat dan saluran;
- v) Memberikan latihan pendidikan alam sekitar yang praktikal dan komprehensif termasuklah pembelajaran melalui aktiviti berkaitan;
- vi) Memantau dan menilai pendidikan alam sekitar;
- vii) Mengukuhkan peranan pusat dan kemudahan pendidikan alam sekitar;
- viii) Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan untuk mempertingkatkan keberkesanan pendidikan alam sekitar termasuk kajian penilaian kesedaran awam mengenai isu-isu alam sekitar;
- ix) Menggunapakai amalan mesra alam seperti pendekatan 3R dengan penekanan terhadap 'Pengurangan' dan 'Penggunaan Semula'; dan
- (x) Mempertingkatkan kesedaran mengenai peraturan-peraturan alam sekitar.

# Education Policy

**Strategy No. 3:** Educational institutions should actively participate in and implement environmental education.

**Interventions:**

- (i) Conduct environmental education activities to internalise appreciation for the environment (e.g. competitions, camps, visits);
- (ii) Each student must participate in at least one environmental education activity annually;
- (iii) Conduct environmental education activities for all educational institutions' communities (e.g. students, educators, non-teaching staff);
- (iv) Incorporate "issue-based" approaches in environmental education; and Commemorate Malaysian Environmental Week or an "EE Week" coinciding with any environmental-related celebrations.

**Strategy No. 4:** Efficiency and effectiveness of environmental education programmes and activities should be enhanced.

**Interventions:**

- i) Formulate and implement environmental education action plans;
- ii) Allocate sufficient facilities and funds for environmental education;
- iii) Intensify and improve environmental educational materials including self-learning materials;
- iv) Improve sharing of environmental education information and materials through various tools and channels;
- v) Provide practical and comprehensive environmental education training including activity-based learning;
- vi) Monitor and evaluate environmental education;
- vii) Strengthen the roles of environmental education centres and facilities;
- viii) Conduct research and development to improve effective environmental education including assessment studies on public awareness on environmental issues;
- ix) Adopt best environmental practices such as 3R with particular emphasis on 'Reduce' and 'Reuse'; and
- x) Increase awareness on environmental-related rules and regulations.



# Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah

**Strategi No. 5:** Fungsi dan peranan 'Sabah Environmental Education Network' (SEEN) dan rangkaian-rangkaian lain yang berkaitan hendaklah diperkukuhkan.

**Intervensi:**

- i) Mewujudkan Urus Setia SEEN yang tetap;
- ii) Menggalakkan penyertaan aktif ahli-ahli SEEN melalui kerjasama, perkongsian maklumat dan rangkaian perhubungan;
- iii) Melaksanakan aktiviti-aktiviti peningkatan keupayaan melalui kerjasama, perkongsian maklumat dan pengalaman, serta rangkaian perhubungan untuk ahli-ahli SEEN;
- iv) Menggalakkan hubungan erat antara SEEN dan lain-lain rangkaian pendidikan alam sekitar; dan
- v) Mengiktiraf sumbangan ahli-ahli SEEN dan lain-lain rangkaian berkaitan.

**Strategi No. 6:** Keupayaan dan kemampuan kakitangan pendidikan alam sekitar hendaklah diperkukuhkan.

**Intervensi:**

- i) Menyediakan kursus ulang kaji jangka pendek dan sederhana dari masa ke semasa kepada kakitangan pendidikan alam sekitar seperti ceramah, seminar atau bengkel;
- ii) Menghantar kakitangan ke luar negeri untuk menghadiri kursus pendek, kursus khas atau pascasiswazah yang berkaitan dengan pendidikan alam sekitar;
- iii) Memberikan peluang atau menganjurkan lawatan sambil belajar ke pusat atau kemudahan pendidikan alam sekitar;
- iv) Menggalakkan penyertaan kakitangan pendidikan alam sekitar dalam program pendidikan alam sekitar yang dianjurkan oleh organisasi berkaitan alam sekitar;
- v) Menggalakkan program pertukaran kakitangan pendidikan alam sekitar antara kemudahan dan pusat; dan
- vi) Memberikan insentif seperti biasiswa dan anugerah kepada kakitangan pendidikan alam sekitar.



**Strategy No. 5:** Strengthen the functions of Sabah Environmental Education Network (SEEN) and other similar networks.

**Interventions:**

- i) Establish a permanent SEEN secretariat;
- ii) Encourage active participation of SEEN members through collaboration, sharing of information and networking;
- iii) Conduct capacity building activities in collaboration, sharing of information and experience, and networking for SEEN members;
- iv) Encourage affiliation of other environmental education networks with SEEN; and
- v) Recognise contributions of SEEN members and other networks.

**Strategy No. 6:** Strengthen the capacity and capability of environmental education personnel.

**Interventions:**

- i) To provide short and mid-term refresher courses for environmental education personnel such as talks, seminars or workshops regularly;
- ii) To send staff abroad for short course, special training or post-graduate studies related to environmental education;
- iii) To provide opportunities or organise excursion or observation tours to environmental education facilities or centres;
- iv) To encourage environmental education personnel to participate in environmental education programmes organised by environmentally related organisation;
- v) To encourage environmental education personnel exchange programmes between facilities and centres; and
- vi) To provide incentives such as scholarships and awards to the environmental education personnel.



# Penutup Conclusion

## 7. Penutup

Pelaksanaan Dasar ini akan dapat lebih menyemaikan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta gaya hidup lestari di kalangan masyarakat di Sabah melalui pendidikan alam sekitar, dan seterusnya melengkapai dan memantapkan dimensi alam sekitar dalam program, dasar dan perundangan kebangsaan yang sedia ada, serta perjanjian antarabangsa yang mempunyai kepentingan tempatan dan sejagat.

## 7. Conclusion

The implementation of this Policy will further instil environmental stewardship and sustainable lifestyle in the people of Sabah through environmental education and, subsequently, complements and enhance the environmental dimensions of existing national programmes, policies and legislations as well as international conventions of local and global concerns.

## PENGHARGAAN

Penyediaan dan penggubalan Dasar Pendidikan Alam Sekitar Sabah edisi ini telah dilaksanakan dengan sokongan dari segi teknikal dan kewangan oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) di bawah Program Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekosistem Borneo Fasa II (BBEC II).

Penerbitan dasar ini telah dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama pelbagai organisasi seperti berikut:

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
2. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar
3. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
4. Kementerian Pembangunan Luar Bandar
5. Kementerian Belia dan Sukan
6. Unit Sains dan Teknologi
7. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar
8. Pusat Biodiversiti Sabah
9. Jabatan Peguam Negeri Sabah
10. Jabatan Perhutanan Sabah
11. Jabatan Pengairan dan Saliran
12. Taman-Taman Sabah
13. Jabatan Perikanan
14. Jabatan Alam Sekitar
15. Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
16. Jabatan Hidupan Liar
17. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
18. Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Kent, Tuaran
19. Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Gaya, Kota Kinabalu
20. Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Keningau
21. Institut Perguruan Malaysia, Kampus Tawau
22. Universiti Malaysia Sabah
23. WWF-Malaysia (Borneo Programme)
24. Sabah Wetlands Conservation Society
25. Sabah Society
26. Malaysian Nature Society, Sabah Branch
27. Pusat Tindakan Alam Sekitar (EAC)
28. HUTAN (Kinabatangan Orang Utan Conservation Project)
29. OISCA International Sabah Chapter
30. Kelab Pencinta Alam Sabah
31. Sabah Environmental Protection Association
32. PACOS Trust
33. Penampang Junior Chambers
34. Institut Sinaran
35. Sabah Journalists Association
36. Forum for Ecosystem Management (FEM), Kathmandu, Nepal

## **ACKNOWLEDGEMENT**

The preparation and formulation of this edition of the Sabah Environmental Education Policy was supported technically and financially by Japan International Cooperation Agency (JICA) under the Bornean Biodiversity and Ecosystem Conservation Programme Phase II (BBEC II).

The publication of this Policy was made possible with the assistance and co-operation of various organisations namely:

- 1. State Secretary Office**
- 2. Ministry of Tourism, Culture and Environment**
- 3. Ministry of Local Government and Housing**
- 4. Ministry of Rural Development**
- 5. Ministry of Youths and Sport**
- 6. Science and Technology Unit**
- 7. Environment Protection Department**
- 8. Sabah Biodiversity Centre**
- 9. Sabah State Attorney General's Chambers**
- 10. Sabah Forestry Department**
- 11. Department of Irrigation and Drainage**
- 12. Sabah Parks**
- 13. Department of Fisheries**
- 14. Department of Environment**
- 15. Sabah Education Department**
- 16. Sabah Wildlife Department**
- 17. Kota Kinabalu City Hall**
- 18. Malaysia Teachers' Training Institute, Kent Campus, Tuaran**
- 19. Malaysia Teachers' Training Institute, Gaya Campus, Kota Kinabalu**
- 20. Malaysia Teachers' Training Institute, Keningau Campus**
- 21. Malaysia Teachers' Training Institute, Tawau Campus**
- 22. Universiti Malaysia Sabah**
- 23. WWF-Malaysia (Borneo Programme)**
- 24. Sabah Wetlands Conservation Society**
- 25. Sabah Society**
- 26. Malaysian Nature Society, Sabah Branch**
- 27. Environmental Action Centre**
- 28. HUTAN (Kinabatangan Orang Utan Conservation Project)**
- 29. OISCA International Sabah Chapter**
- 30. Sabah Nature Club**
- 31. Sabah Environmental Protection Association**
- 32. PACOS Trust**
- 33. Penampang Junior Chambers**
- 34. Institut Sinaran**
- 35. Sabah Journalists Association**
- 36. Forum for Ecosystem Management (FEM), Kathmandu, Nepal**